

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 04 Jun 2021 14:47
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lima Alumni UUM Ditawarkan Inspektor Polis



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 JUN 2021 / 23 SYAWAL 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar oleh: Ihsan Alumni SUKSIS UUM

LIMA ALUMNI UUM DITAWARKAN INSPEKTOR POLIS



UUM ONLINE: Lima alumni Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyertai Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS) sebelum ini terpilih untuk menjalani latihan sebagai Inspektor Polis.

Azuan Basir, Ahmad Mustafa Mahasan, Muhammad Amri Firdaus Jusoh, Nik Nur Farhanim Nik Mohamed Fauzee dan Fadzrul Akmal Zulkarnain telah menjalani temuduga dan menerima surat untuk melaporkan diri.

Muhammad Amri Firdaus, 27, anak kelahiran Pasir Puteh, Kelantan berkata, dia dan dua lagi rakan sepatutnya melaporkan diri pada 23 Mei lalu tetapi ditangguhkan dan kini sedang menunggu tarikh baru berikutan Covid-19, manakala Azuan dan Ahmad Mustafa telah mula menjalani latihan.

“Saya dan rakan-rakan yang lain amat bersyukur dengan tawaran yang diterima ini kerana difahamkan sebanyak 15,000 permohonan yang diterima dan hanya 240 yang dipanggil untuk melaporkan diri bagi sesi 1/2021.

“Walaupun mereka terpaksa melalui empat fasa dalam sesi pemilihan itu tetapi dengan ilmu dan penglibatan ketika menyertai SUKSIS di UUM memudahkan mereka melepasi kesemua fasa tersebut,” kata mantan Presiden Cakna itu ketika dihubungi.

Muhammad Amri berharap pelajar yang masih mengikuti pengajian mereka di kampus dapat melibatkan diri dengan memperbanyakkan aktiviti kemasyarakatan khususnya.

Sementara itu, Nik Nur Farhanim, 25, melahirkan rasa bertuah kerana ketika ekonomi negara dan dunia terkesan akibat Covid-19, dia masih menerima tawaran untuk bekerja.

Anak kelima dari lapan beradik ini berkata, surat panggilan yang diterima itu bukan sahaja menggembirakan ibu bapa, malah mengejutkannya kerana tercapai juga hasrat dan impiannya untuk berkhidmat dalam Polis DiRaja Malaysia.

Alumni Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia yang pernah mewakili UUM dalam kejohanan bola tampar peringkat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Karnival Varsity Indonesia, Malaysia dan Thailand Growth Triangle (IMT-GT) bersama dua rakannya akan melaporkan diri selepas tarikh baru diterima nanti.

Bagi alumni Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Fadzrul Akmal Zulkarnain, 27, yang berasal dari Muar, Johor berkata, proses permohonan pekerjaan dan menghadiri temuduga merupakan satu cabaran untuk mendapatkan pekerjaan ketika dunia dilanda Covid-19

“Kerjaya ini dilihat lebih mencabar dengan teknologi masa kini namun dengan sokongan dan ilmu yang dipelajari dari sekolah rendah hingga ke menara gading pastinya akan memberi kekuatan kepada saya untuk berbakti kepada negara nanti,” katanya.

Semoga kelima alumni UUM ini dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.